

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Program vaksinasi lancar, berjalan seperti biasa

Urusan, operasi semua jentera perkhidmatan kesihatan tidak terjejas

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Audrey Dermawan
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Program vaksinasi bagi memerangi pandemik COVID-19 berjalan seperti biasa walaupun pentadbiran negara kini diterajui Perdana Menteri sementara tanpa Jemaah Menteri.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata urusan dan operasi jentera perkhidmatan kesihatan tidak terjejas, sebaliknya tetap lancar seperti sebelum ini bagi memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat terus terpelihara.

Beliau berkata, pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang diselenggarakan Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga berjalan seperti biasa.

"Selain itu, tanggjawab penyelaras program vaksinasi juga masih lagi berada bawah MOSTI bersama-sama KKM dan segala program dirancang berja-



Orang ramai hadir untuk menerima vaksin di Gurney Paragon Mall, Georgetown, semalam. (Foto Mikail Ong/BH)

lan seperti biasa," katanya kepada *BH*, semalam.

Pembubaran kerajaan Perikatan Nasional (PN) kelmarin susulan peletakan jawatan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menimbulkan persoalan sama ada ia menjejaskan pentadbiran kerajaan, termasuk pengurusan wabak COVID-19 di negara ini serta pemberian vaksin dalam usaha mencapai imuniti kelompok secepat mungkin.

Penyelaras tindakan bersepadu pelbagai kementerian dan badan kerajaan bagi PICK ketika ini dilaksanakan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) yang sebelum ini diketuai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Selain Khairy, CITF juga di-

selia dua Pengarah Bersama, iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Keong dan Timbalan Panglima Tentera Darat, Datuk Mohammad Ab Rahman, manakala Majlis Keselamatan Negara (MKN), MOSTI dan KKM bertindak sebagai urus setia.

Bagaimanapun, awal Julai lalu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim, menggantikan tempat Dr Chong di CITF selepas beliau dipertanggungjawabkan menerajui Pasukan Bertindak Khas Kesihatan Awam Lembah Klang (GKVSTF).

Di Georgetown, Ketua Menteri Pulau Pinang, Chan Kon

Yeow, berkata kerajaan negeri akan terus memberi kerjasama kepada semua pihak berkaitan bagi memastikan kelancaran pemberian vaksin seperti dirancang menerusi program itu.

"Ia sejajar usaha bagi mencapai imuniti kelompok bagi memerangi pandemik COVID-19 dapat dicapai seperti ditetapkan. Berdasarkan laporan hari ini (semalam), kita mendaftarkan 29,600 dos vaksin dan kita yakin Jabatan Kesihatan Negeri akan mengatur semula operasi pusat pemberian vaksin (PPV) supaya mencapai peringkat optimum.

"Kita juga dijangka menerima 300,000 vaksin COVID-19 minggu hadapan," katanya ketika melawat Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) di Gurney Paragon Mall, semalam.

47.2 peratus dewasa lengkap dua dos

Kuala Lumpur: Seramai 11,060,317 individu atau 47.2 peratus populasi dewasa sudah melengkapkan pelanjan COVID-19 setakat kelmarin, manakala 17,252,314 atau 73.7 peratus pula sudah menerima suntikan dos pertama.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), memaklumkan ia menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 28,312,631 dos.

Kelmarin, vaksinasi harian mencatatkan 501,776 dos dengan 175,874 individu mendapat dos

pertama dan 325,902 menerima dos kedua.

Labuan mencatatkan populasi dewasa tertinggi menerima vaksin dengan 61,188 orang atau 89.2 peratus sudah menerima dua dos, manakala 68,029 atau 99.3 sudah menerima dos pertama.

Sarawak merekodkan 1,664,749 orang atau 81.5 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi dan 1,822,036 orang atau 89.2 peratus menerima dos pertama, manakala Lembah Klang (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor) mencatatkan 4,246,315 orang atau 68.9 peratus menerima dos lengkap dan 4,246,315 atau 105.6 peratus mendapat dos pertama.

Angka di Lembah Klang melebihi 100 peratus kerana statistik kependudukan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tidak mengambil kira perubahan populasi sejak banci akhir, penduduk tanpa dokumen serta vaksinasi kepada penduduk tanpa dokumen dan bukan pemas-tautin.

Negeri Sembilan mencatatkan 525,078 orang atau 64.5 peratus menerima dua dos dan 689,753 lagi menerima dos pertama, manakala Perlis pula merekodkan 100,003 atau 55.2 peratus penduduk dewasa mendapat dua dos dan 133,148 lagi atau 73.5 peratus menerima dos pertama.

Setakat kelmarin juga, Melaka mencatatkan 40.5 peratus atau 274,679 populasi dewasa menerima dua dos, diikuti Pulau Pinang (521,268/38.1 peratus), Terengganu (293,319/36.3 peratus), Perak (674,718/36.2 peratus), Pahang (393,669/33.5 peratus) dan Kedah (489,987/31.8 peratus).

Kelantan merekodkan 369,533 individu atau 29.9 peratus populasi sudah menerima dua dos, Johor (794,195/29.3 peratus) dan Sabah (651,616/ 23.6 peratus). PICK dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membanding pandemik COVID-19 di seluruh negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL



Seramai 248,874 petugas kesihatan di negara ini sudah mendapat vaksinasi lengkap.

(Foto hiasan)

Penularan COVID-19

7,599 petugas kesihatan dijangkiti

17 kes kategori tiga hingga lima direkod hasil saringan berkala

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 7,599 atau 3.05 peratus petugas kesihatan dijangkiti COVID-19 hasil saringan berkala.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu ha-

nya 17 kes atau 0.22 peratus berada di kategori tiga hingga lima.

"Jangkitan COVID-19 ke atas petugas KKM yang lengkap vaksinasi boleh berlaku, tetapi dengan kadar jangkitan yang tidak teruk, iaitu 3.05 peratus.

"Kebanyakan yang dijangkiti (petugas kesihatan) tidak bergejala atau menunjukkan gejala ringan," katanya menerusi hantaran Facebook semalam.

Menerusi data yang disertakan Dr Noor Hisham, 248,874 petugas kesihatan di negara ini sudah mendapat vaksinasi lengkap, selain terdapat dua kes kematian membabitkan kategori lima.

Seramai 5,135 atau 67.6 peratus daripada 7,599 petugas kesihatan lengkap divaksinasi yang dijang-

kuti virus itu berada dalam kategori dua, iaitu mengalami gejala ringan.

Pada masa sama, 32.2 peratus petugas kesihatan yang dijangkiti berada dalam kategori satu membabitkan 2,447 orang, manakala kategori tiga (mengalami radang paru-paru), kategori empat (memerlukan bantuan oksigen) dan kategori lima (dirawat di unit rawatan rapi) masing-masing mencatatkan 10, empat dan tiga kes.

Beliau berkata, pemberian vaksin berfungsi mengurangkan keparahan dan kematian akibat jangkitan kerana tiada vaksin yang berkesan 100 peratus.

"(Ia) bukan sifarkan keparahan dan kematian," katanya.

Kes catat penurunan 2 hari berturut-turut

Putrajaya: Kes COVID-19 di negara ini mencatatkan penurunan dua hari berturut-turut dengan 19,631 kes baharu dilaporkan semalam dan 305 kes atau 1.6 peratus berada dalam kategori tiga hingga lima, iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen dan kritikal.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 19,326 kes yang dilaporkan semalam pula dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan.

Katanya, ia sekali gus menjadikan jumlah terkumpul kes COVID-19 sebanyak 1,444,270 kes.

Beliau berkata, hanya Labuan tidak mencatatkan pertambahan kes, manakala Selangor kekal menjadi negeri tertinggi melaporkan kes baharu, iaitu 5,753 kes.

"Turut mencatatkan kes baharu ialah Sabah dengan 2,103 kes, Kedah (1,863), Kuala Lumpur (1,765), Johor (1,309), Pulau Pinang (1,275), Kelantan (1,268) dan Perak (1,101), Sarawak (835), Pahang (670), Melaka (623), Terengganu (498), Negeri Sembilan (490), Putrajaya (41) dan Perlis (37). Setakat ini, 252,147 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini," katanya menerusi kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes harian itu, hanya 1,054 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) de-

ngan 525 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

Secara keseluruhan, katanya, 16,638 kes atau 84.75 peratus kes yang dilaporkan semalam tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Mengenai 293 kes kematian dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 251 kes membabitkan warganegara serta 42 kes lagi adalah warga asing dan terdapat 44 kes dilaporkan sebelum tiba di hospital (BID) yang menjadikan jumlah keseluruhan kematian di negara ini ialah 13,077 kes.

"Selangor kekal menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes kematian, iaitu hari ini (semalam) 90 kes dilaporkan, Kuala Lumpur (47), Johor (42), Pahang (21), masing-masing 19 kes di Melaka dan Perak, Sabah (15), masing-masing sembilan kes di Negeri Sembilan serta Kedah dan Pulau Pinang (Japan), Terengganu (lima) dan Sarawak (dua).

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, semalam terdapat 16,468 kes sembuh menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 di negara ini ialah 1,179,046 kes atau 81.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau turut memaklumkan KKM mengenal pasti 43 kes mempunyai varian membimbangkan (VOC) Delta yang menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti varian berkenaan di negara ini sebanyak 467 kes.

Kadar kebolehjangkitan negara kekal pada 1.05

Kuala Lumpur: Kadar kebolehjangkitan (Rt) COVID-19 negara kelmarin kekal pada 1.05 dengan Perlis menjadi negeri mencatatkan Rt tertinggi pada 1.25, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Sebelas 11 negeri lain masih mencatatkan Rt melebihi purata kebangsaan.

"Perlis mencatatkan Rt tertinggi, iaitu 1.25, diikuti Sarawak (1.23), Kelantan (1.19), Sabah dan Pulau Pinang (1.15) Perak (1.10) serta Melaka, Johor dan Kedah (1.09).

"Kluster Kampung Hudu 2 dicetuskan apabila wanita berusia 66 tahun dilaporkan positif pada 2 Ogos hasil saringan individu bergejala. Seramai 34 individu disaring dan 20 positif COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada data itu, Selangor mencatatkan Rt 1.10, Kuala

Lumpur merekodkan (0.99) diikuti Negeri Sembilan (0.96) dan Putrajaya (0.93), manakala Labuan pula mencatatkan dua kes baharu.

Berdasarkan Model Pembundungan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR) Unjuran dan Pemerhatian Kes Harian COVID-19 yang dikongsi Dr Noor Hisham, kes harian berisiko melonjak melebihi 19,000 jika Rt kembali melebihi 1.2, kesan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

Sekiranya pematuan SOP dilakukan, Rt mampu turun sehingga 0.95 dan mengikut rekod Kementerian Kesihatan (KKM), Rt terendah pernah dicatatkan pada 0.81 pada 3 Mac lalu.

Aktiviti ziarah cetus 5 kluster di Kelantan

Kota Bharu: Lima daripada 13 kluster jangkitan COVID-19 yang dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) di Kelantan kelmarin, terdeteksi daripada aktiviti ziarah.

Lima kluster berkenaan adalah Kluster Kampung Jerimpong di Jeli, Kluster Kampung Kuin Merah, Kluster Kampung Kual Pasong Hantu dan Kluster Kampung Bayu Lalang di Pasir Mas serta Kluster Kampung Huda 2, di sini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin, berkata Kluster Kampung Jerimpong dikesan selepas seorang wanita berusia 19 tahun dilaporkan positif pada 14

Ogos lalu hasil saringan individu bergejala sebelum menjangkiti sembilan daripada 11 individu yang disaring.

"Kluster Kampung Kuin Merah terdeteksi apabila seorang wanita berusia 49 tahun dilaporkan positif pada 14 Ogos.

"Seramai 17 individu yang disaring, 13 positif COVID-19, manakala Kluster Kampung Kual Pasong Hantu dikesan selepas wanita berusia 31 tahun dilaporkan positif pada 10 Ogos lalu.

"Daripada 45 orang yang disa-



Dr Zaini Hussin

ring dalam Kluster Kual Pasong Hantu, 27 dilaporkan positif. Kluster Kampung Bayu Lalang pula dikesan selepas wanita berusia 55 tahun dilaporkan positif pada 12 Ogos dan lima individu disahkan positif hasil saringan terhadap sembilan individu.

"Kluster Kampung Huda 2 dicetuskan apabila wanita berusia 66 tahun dilaporkan positif pada 2 Ogos hasil saringan individu bergejala. Seramai 34 individu disaring dan 20 positif COVID-19," katanya dalam kenyataan, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

19,631 kes baharu

16,468 kes sembuh jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia merekodkan 19,631 kes positif baharu Covid-19, semalam dengan 16,638 atau 84.75 peratus daripadanya dalam kalangan mereka yang tiada atau belum lengkap vaksinasi.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 1,444,270 kes dan 252,147 kes aktif.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan 19,624 kes memabitkan penularan tempatan iaitu 16,677 warganegara dan 2,947 bukan warganegara manakala tu-

juh kes import yang dikesan memabitkan dua rakyat tempatan dan lima warga asing.

"Sebanyak 305 kes (1.6 peratus) adalah daripada kategori tiga hingga lima manakala sebanyak 19,326 kes (98.4 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Setakat ini seramai 1,054 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 525 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengenai kes kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 293 kes dilaporkan semalam memabitkan 251 warganegara dan 42 bukan warganegara.

Menurutnya, daripada jumlah itu, terdapat 44 kes kematian di luar hospital (BID) iaitu 28 warganegara



TINJAUAN di kedai gunting rambut yang dibenarkan beroperasi pada hari kedua selepas kerajaan membenarkan 11 sektor ekonomi beroperasi di kawasan fasa 1 di Jalan Melayu, Kuala Lumpur dan hanya pelanggan yang lengkap dua dos vaksin sahaja dibenarkan masuk ke premis. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

dan 16 bukan warganegara.

Katanya, peningkatan kes memabitkan kes kematian semalam menjadikan sebanyak 13,077 kes kumulatif direkodkan iaitu 0.91 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, beliau berkata,

sebabnya, peningkatan kes memabitkan kes kematian semalam menjadikan jumlah keseluruhan pesakit sembuh seramai 1,179,046 orang atau 81.6 peratus daripada keseluruhan kes.

"Selangor kekal mencatatkan kes tertinggi berjumlah 5,753 kes, diikuti Sabah (2,103), Kedah (1,863), Kuala Lumpur (1,765) dan Johor (1,309).

"Sementara itu, 1,275 kes direkodkan di Pulau Pinang,

Kelantan (1,268), Perak (1,101), Sarawak (835), Pahang (670), Melaka (623), Terengganu (498), Negeri Sembilan (490), Putrajaya (41) dan Perlis (37) manakala tiada kes baharu dilaporkan di Labuan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : COVID-19

Aktiviti ziarah cetus 5 lagi kluster baharu

Kota Bharu: Lima daripada 13 kluster yang dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Kelantan kelmarin, tercetus daripada aktiviti ziarah-menziarahi.

Lima kluster berkenaan adalah Kluster Kampung Jerimbong, Jeli; Kluster Kampung Kuin Merah, Kluster Kampung Gual Pasong Hantu, Kluster Kampung Bayu Lalang di Pasir Mas dan Kluster Kampung Huda 2, Kota Bharu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, Kluster Kampung Jerimbong dikesan selepas seorang wanita berusia 19 tahun yang dilaporkan positif pada 14 Ogos lalu selepas hasil saringan individu bergejala.

Katanya, kluster itu mencatatkan sembilan kes daripada 11 individu yang disaring.

"Sementara itu, Kluster Kampung Kuin Merah tercetus apabila seorang wanita berusia 49 tahun yang dilaporkan positif pada 14 Ogos. Seramai 17 individu yang disaring, 13 daripadanya positif Covid-19.

"Kluster Kampung Gual Pasong Hantu dikesan selepas wanita berusia 31 tahun dilaporkan positif pada 10 Ogos lalu. Daripada 45 orang yang disaring, 27 dilaporkan positif," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, Kluster Kampung Bayu Lalang pula dikesan selepas wanita berusia 55 tahun dilaporkan positif pada 12 Ogos dan lima individu disahkan positif hasil saringan dilakukan terhadap sembilan individu.

Beliau berkata, Kluster



Kluster Kampung Gual Pasong Hantu dikesan selepas wanita berusia 31 tahun dilaporkan positif pada 10 Ogos lalu. Daripada 45 orang yang disaring, 27 dilaporkan positif"

Dr Zaini

Kampung Huda 2 dicituskan apabila wanita berusia 66 tahun dilaporkan positif pada 2 Ogos hasil saringan individu bergejala.

"Seramai 34 individu disaring dan 20 daripadanya positif Covid-19. Kita sentiasa mengingatkan orang ramai supaya sentiasa patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) kerana kes Covid-19 semakin meningkat," katanya.

Kelantan kelmarin merekodkan 13 kluster iaitu 10 kluster komuniti, dua tempat kerja dan satu kumpulan berisiko tinggi.

Jumlah kes baharu Covid-19 yang direkodkan di negeri itu adalah 1,227 kes dengan sembilan kematian.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 21
 RUANGAN : COVID-19 LOKAL

'Selamat bertugas Dr Asmayani'

Kuala Lumpur: Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Datuk Dr Asmayani Khalib dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia baharu, berkuat kuasa semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di Facebook beliau memaklumkan pelantikan Dr Asmayani bagi menggantikan Datuk Dr Norhizan Ismail yang bersara wajib.

"Selamat menjalankan tugas dan amanah. Semoga kecemerlangan Program Perubatan KKM dapat diteruskan," katanya yang turut menzahirkan ucapan tahniah atas pelantikan itu.

Sebelum bertugas sebagai Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sejak 2019, Dr Asmayani pernah berkhidmat sebagai Pengarah Institut Kanser Negara



DR Noor Hisham memuat naik foto bersama Dr Asmayani di Facebooknya, semalam.

(IKN), Pengarah Hospital Kulim dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM.

Beliau pernah bertugas di beberapa hospital dan fasiliti kesihatan sepanjang perkhidmatan iaitu Hospi-

tal Kuala Kubu Bharu, Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Hospital Kajang, Selangor, Hospital Taiping, Perak dan Hospital Jengka, Pahang. Bernama.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Individu dijangkiti ke HTAR turun lebih 50 peratus Pesakit mula kurang

Oleh ISKANDAR SHAH
MOHAMED

SHAH ALAM – Kemasukan harian pesakit Covid-19 ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang mencatatkan penurunan lebih 50 peratus sejak minggu lalu.

Statistik menunjukkan jumlah kes diterima hospital itu berkurangan sehingga 170 kes berbanding 400 kes sebelum ini.

Pengarah HTAR, Dr. Zulkarnain Mohd. Rawi berkata, gelombang penurunan kemasukan itu mula berlaku antara awal sehingga pertengahan bulan ini.

Katanya, pesakit Covid-19 yang menerima rawatan di HTAR kini didapati berkurangan iaitu kurang daripada 900 orang.



DR. ZULKARNAIN

"Saya bersyukur jumlah kemasukan pesakit berkenaan menurun lebih 50 peratus sejak minggu lalu.

"Keadaan itu sekali gus me-

ngurangkan pesakit kategori tiga ke atas untuk dimasukkan ke dalam wad," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Menurut Zulkarnain, penurunan positif itu membuktikan keberkesanan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) termasuk di daerah Klang.

"HTAR kini dalam keadaan terkawal dan kita meliputi semua pegawai serta kakitangan sentiasa terus komited untuk memerangi pandemik.

"Saya turut berharap trend penurunan ini akan berterusan dan meminta orang ramai terus mengambil vaksinasi masing-masing," ujarnya.

Tambahnya, kapasiti katil bagi Unit Rawatan Rapi (ICU) pesakit Covid-19 di HTAR kini pada tahap kira-kira 92 peratus.



JUMLAH kemasukan pesakit akibat jangkitan Covid-19 di HTAR, Klang menunjukkan penurunan ketara.



BEBERAPA kedai sukan dan butik pakaian mula beroperasi semasa tinjauan di Suria KLCC, Kuala Lumpur semalam. – BALQIS MISHA

Lapan negeri rekod kes empat angka

PUTRAJAYA – Lapan negeri mencatatkan kes penularan Covid-19 melebihi empat angka semalam, manakala negara merekodkan sebanyak 19,631 kes baharu.

Dengan pertambahan kes tersebut jumlah keseluruhan pesakit dijangkiti Covid-19 adalah sebanyak 1,444,270 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdulah dalam ciapan Twitter berkata, Selangor merekodkan sebanyak 5,753 kes, diikuti oleh Sabah sebanyak 2,103 kes dan Kedah sebanyak 1,863 kes.

"Seterusnya, Kuala Lumpur (1,765 kes), Johor (1,309 kes),

Pulau Pinang (1,275 kes), Kelantan (1,268 kes), Perak (1,101 kes), Sarawak (835 kes),

Negeri Sembilan (490 kes), Pahang (670 kes), Melaka (623 kes) dan Terengganu (498 kes).

"Putrajaya (41 kes), Perlis (37 kes), manakala tiada jangkitan baharu di Labuan," katanya.

Dalam pada itu, sebanyak 293 kes kematian direkodkan menjadikan jumlah keseluruhan pesakit meninggal dunia di seluruh negara melepasi 13,000 dengan sebanyak 13,077.

Pesakit sembuh harian pula sebanyak 16,468 menjadikan seramai 1,179,046 jumlah pulih sepenuhnya daripada Covid-19.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

7,599 petugas kesihatan dijangkiti

KUALA LUMPUR — Seramai 7,599 atau 3.05 peratus daripada 248,874 petugas Kementerian Kesihatan (KKM) yang telah menerima dos lengkap vaksin dijangkiti Covid-19 hasil saringan berkala.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bermula 24 Februari hingga 13 Ogos lalu seramai 248,874 petugas kesihatan telah lengkap dua dos vaksin.

"Daripada jumlah itu hanya 17 kes atau 0.22 peratus yang berada dalam kategori tiga, empat dan lima.

"Dimaklumkan juga dua kes kematian dalam kategori lima," katanya dalam satu hantaran di laman media sosial beliau semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kebanyakan yang telah dijangkiti tidak bergejala atau menunjukkan gejala ringan.

"Pemberian vaksin lengkap berfungsi mengurangkan keterukan jangkitan dan bukan sifarkan keparahan dan kematian," katanya.



DATA berhubung petugas kesihatan telah divaksin dan dijangkiti Covid-19 yang dikongsi Dr. Noor Hisham di laman sosialnya semalam.

Berdasarkan graf yang dikongsi dalam hantaran itu, seramai 5,135 atau 67.6 peratus daripada 7,599 petugas kesihatan yang sudah melengkapkan vaksinasi yang dijangkiti berada dalam kategori dua iaitu mengalami gejala ringan.

Pada masa sama, sebanyak 32.2 peratus daripada petugas

kesihatan yang dijangkiti itu berada dalam kategori satu mem-babitkan seramai 2,447 orang, manakala 10 kes dalam kategori tiga (mengalami radang paru-paru), kategori empat sebanyak empat kes (memerlukan bantuan oksigen) dan kategori lima yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebanyak tiga kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tiada varian Lambda di Malaysia

Kajian penjujukan genom setakat ini tidak mengesan kehadiran varian itu

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menafikan dakwaan varian Lambda ada dikesan di Malaysia.

Menurutnya, kajian penjujukan genom penuh yang dijalankan makmal mendapati 43 sampel merupakan varian Delta yang kini menjadi dominan.

“Setakat ini tiada varian Lambda dikesan di negara kita,” katanya pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan pengguna akaun Twitter bahawa varian itu telah muncul di negara ini.

Varian Lambda yang dikenali sebagai C.37 pertama kali dikesan di Peru dan telah mengakibatkan jangkitan lebih 80 peratus kes di negara itu.

Lambda dipercayai lebih mudah menular berbanding varian Gamma dan Alpha selain lebih berupaya melawan antibodi yang dihasilkan oleh vaksin.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengklasifikasikannya sebagai varian perlu perhatian (VOI)

dan bukannya varian yang membimbangkan (VOC).

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, kes baharu positif Covid-19 kekal di bawah 20,000 dua hari berturut-turut dengan 19,631 individu disahkan positif pada Selasa.

Katanya, Selangor kekal dengan kes positif tertinggi iaitu 5,753 diikuti Sabah (2,103), Kedah (1,863), Kuala Lumpur (1,765), Johor (1,309), Pulau Pinang (1,275), Kelantan (1,268) dan Perak (1,101). Negeri yang dilihat



DR NOOR HISHAM

terkawal dalam penularan adalah Sarawak (835), Pahang (670), Melaka (623), Terengganu (498), Negeri Sembilan (490), Putrajaya (41) dan Perlis (37).

Labuan mengulangi rekod Sabtu lalu apabila sekali lagi mencatatkan sifar kes.

“Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini adalah 1,444,270,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 252,147 kes aktif di seluruh negara.

“Kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah 1,054 termasuk 525 pesakit me-

merlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Dalam pada itu, terdapat 293 kes kematian dilaporkan membabitkan 251 warganegara dan 42 warga asing.

“Daripada jumlah tersebut, terdapat 44 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) yang terdiri daripada 28 rakyat tempatan dan 16 warga asing.

“Bagi kes sembuh pula, terdapat pertambahan sebanyak 16,468 kes sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan 1,179,046,” katanya.

Tambahnya, sebanyak 39 kluster baharu dikenalpasti membabitkan 23 kluster tempat kerja dan 13 kluster komuniti.

“Turut dikesan adalah dua kluster pusat tahanan dan satu kluster berisiko tinggi,” kata beliau lagi.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Hanya 17 petugas kesihatan dijangkiti Covid-19 kategori tiga ke atas

PUTRAJAYA - Hanya terdapat 17 kes positif Covid-19 membabitkan petugas kesihatan yang telah lengkap dos suntikan vaksin berada di kategori tiga hingga lima.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini seramai 248,874 petugas kesihatan telah menerima vaksin lengkap.

“Hasil saringan berkala Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) serta saringan bergejala, terkini 7,599 kes dijangkiti Covid-19,” katanya dalam hantaran di Facebook beliau pada Selasa.

Menerusi data yang disertakan, terdapat seramai 2,447 petugas kesihatan yang dijangkiti berada di kategori satu, manakala 5,315 pula kategori dua yang mempunyai gejala ringan.


“Kes kematian kekal kepada dua orang,” jelas beliau.



Data yang dikongsikan di Facebook Dr Noor Hisham pada Selasa.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



- Kategori 1** Tanpa gejala
- Kategori 2** Gejala ringan
- Kategori 3** Jangkitan paru-paru
- Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
- Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 17 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	1,444,270	PULIH:	1,179,046	ICU:	1,054	KEMATIAN:	13,077	KES BAHARU:	19,631	SUDAH DI VAKSIN:	28,312,631
---------------------	-----------	--------	-----------	------	-------	-----------	--------	-------------	--------	------------------	------------

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Angka kematian lepassi 13,000 kes

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
 utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Angka kematian akibat Covid-19 kini melepasi 13,000 kes dengan mencatatkan 13,077 kes keseluruhan dengan 293 lagi kematian baharu direkodkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor terus menjadi penyumbang terbesar iaitu 90 kes, 47 kes di Kuala Lumpur, 42 kes di Johor, 21 kes di Pahang, masing-masing 19 kes di Melaka dan Perak.

Katanya, 15 kes lagi di Sabah, masing-masing sembilan kes di Negeri Sembilan dan Kedah, lapan kes di Pulau Pinang, tujuh kes di Kelantan, lima kes di Terengganu serta dua kes di Sarawak.

"Kematian melibatkan 251 warga tempatan dan 42 warga asing dengan 162 lelaki dan 131 wanita manakala 44 kes meninggal dunia di rumah dan 249 pesakit mempunyai pelbagai latar belakang penyakit," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Noor Hisham, tempat kerja terus menjadi majoriti terbesar kluster iaitu 23 daripada jumlah keseluruhan harian, 39 kluster diikuti 13 kluster komuniti, dua kluster pusat tahanan dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.

Beliau berkata, kluster tem-



KEADAAN pusat beli-belah yang kelihatan agak lengang meskipun kerajaan kini memberi kebenaran kedai pakaian, fesyen dan aksesori beroperasi dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Kompleks Sogo Kuala Lumpur di sini semalam. - UTUSAN//FAUZI BAHARUDIN

